

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 11 SEPTEMBER 2014 (KHAMIS)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	RM100j penyelidikan ketenteraan, senjata	Sinar Harian
2.	MOSTI Peruntuk RM100 Juta Galak Penyelidikan Ketenteraan, Persenjataan	Bernamea.com
3.	IPT Perlu Tingkatkan Pendidikan Berasaskan Inovasi Dan Reka Cipta – Abu Bakar	Bernamea.com
4.	ISO 9001:2015 Dapat Kurangkan Dokumentasi Bantu Tumpu Pengurusan Risiko	Bernamea.com
5.	Gempa Bumi Kuat Melanda Selatan Laut Maluku	Bernamea.com
6.	Negeri Sembilan Peruntuk RM35 Juta Bina Sistem Pengepaman Air	Bernamea.com
7.	Penjenamaan 'Pahang Pride' Lebih Menyerlahkan Produk Pahang	Bernamea.com
8.	Aplikasi Telefon Pintar Cyber999 Untuk Lapor Ancaman Siber	Bernamea.com

**KERATAN AKHBAR**  
**SINAR HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 8**  
**TARIKH: 11 SEPTEMBER 2014 (KHAMIS)**

## RM100j penyelidikan ketenteraan, senjata

**ALOR GAJAH** - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) memperuntukkan RM100 juta bagi menggalakkan penyelidikan produk dalam bidang ketenteraan dan persenjataan.

Timbalan Menteri, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata, ia bertujuan membolehkan negara menghasilkan kelengkapan ketenteraan sendiri, sekali gus mengurangkan kebergantungan pada produk luar negara.

"Negara kita kekurangan peralatan senjata yang dihasilkan pengeluaran tempatan dan kita terpaksa membelinya dari negara luar.

"Mungkin melalui peruntukan ini, lebih banyak kelengkapan dan senjata dapat dihasilkan untuk kegunaan negara jika diperlukan,"

katanya selepas merasmikan program Jelajah Ikon Saintis peringkat Melaka di Sekolah Menengah Kebangsaan Hang Kasturi di sini, semalam.

Menurutnya sebagai permulaan, Mosti bercadang mengadakan penyelidikan itu bersama-sama Kementerian Pertahanan dan beberapa universiti tempatan termasuk Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

Sementara itu, Mosti turut memperuntukkan RM40 juta tahun ini bagi bidang pendidikan sains dalam usaha melahirkan lebih ramai saintis di Malaysia.

Beliau berkata, ia selaras dengan matlamat kementerian mahu melahirkan seramai 70 saintis bagi setiap 10,000 tenaga kerja di negara ini. - Bernama



Abu Bakar (dua, kiri) memberi penerangan penggunaan peralatan mengesan gempa bumi kepada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Hang Kasturi, Masjid Tanah, Melaka, semalam.



## Mosti Peruntuk RM100 Juta Galak Penyelidikan Ketenteraan, Persenjataan

ALOR GAJAH, 10 Sept (Bernama) -- [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(Mosti\)](#) memperuntukkan RM100 juta bagi menggalakkan penyelidikan produk dalam bidang ketenteraan dan persenjataan.

[Timbalan Menteri berkenaan Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah](#) berkata ia bertujuan membolehkan negara menghasilkan kelengkapan ketenteraan sendiri, sekali gus mengurangkan kebergantungan terhadap produk luar negara.

"Negara kita kekurangan peralatan senjata yang dihasilkan pengeluar tempatan dan kita terpaksa membelinya dari negara luar.

"Mungkin melalui peruntukan ini, lebih banyak kelengkapan dan senjata dapat dihasilkan untuk kegunaan negara sekiranya diperlukan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan program Jelajah Ikon Saintis peringkat Melaka di Sekolah Menengah Kebangsaan Hang Kasturi di sini, Rabu.

### [Turut hadir Pengarah Kanan \(Pengurusan\) Agensi Nuklear Malaysia Dr Dahlan Mohd.](#)

Beliau berkata sebagai permulaan, Mosti bercadang mengadakan penyelidikan itu bersama-sama Kementerian Pertahanan dan beberapa universiti tempatan termasuk Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

Sementara itu, Abu Bakar berkata Mosti memperuntukkan RM40 juta tahun ini bagi bidang pendidikan sains dalam usaha melahirkan lebih ramai saintis di Malaysia.

Beliau berkata ia selaras dengan matlamat kementerian untuk melahirkan 70 saintis bagi setiap 10,000 tenaga kerja di negara ini.

"Usaha ini turut melibatkan Kementerian Pendidikan dengan mendekati 60,000 pelajar sekolah rendah dan menengah di seluruh negara melalui pelbagai program pendedahan sains dan teknologi termasuk Jelajah Ikon Saintis," katanya.



## **IPT Perlu Tingkatkan Pendidikan Berasaskan Inovasi Dan Reka Cipta - Abu Bakar**

KUALA LUMPUR, 10 Sept (Bernama) -- Institusi Pengajian Tinggi (IPT) perlu meningkatkan pendidikan berasaskan inovasi dan reka cipta dalam usaha meningkatkan rekod kecemerlangan universiti tempatan di peringkat antarabangsa, kata [Timbalan Menteri Sains, Teknologi, dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah](#).

Beliau berkata golongan ahli akademik yang cenderung terhadap inovasi dan reka cipta mampu memajukan pelbagai institusi di negara ini dalam pelbagai bidang.

"Ini juga merupakan hasrat kerajaan untuk melahirkan modal insan yang dapat memenuhi keperluan negara dan antarabangsa dalam setiap bidang yang mereka ceburi," katanya dalam ucapan pembukaan Pertandingan Reka Cipta dan Inovasi Institut Pengajian Tinggi Swasta (Perintis) 2014 di Infrastruktur Universiti Kuala Lumpur (IUKL) dekat sini, Rabu.

[Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha \(Sains\) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(MOSTI\) Dr Zulkifli Mohamed Hashim](#).

Abu Bakar berkata inovasi dan reka cipta adalah satu kelebihan yang boleh dijadikan titik permulaan dalam setiap bidang untuk berkembang dengan lebih maju seperti dalam bidang kejuruteraan, arkitek dan teknologi maklumat (IT).

Sementara itu, Abu Bakar berkata program Perintis anjuran IUKL sangat bermanfaat kepada semua pihak terutamanya dalam kalangan generasi muda untuk menunjukkan bakat masing-masing dalam setiap rekaan yang dihasilkan.

"Pertandingan sebegini harus diteruskan dan harap ia (Perintis) menjadi platform yang paling ideal untuk pelbagai bakat didedahkan dalam menjadikan pertumbuhan teknologi negara semakin canggih," katanya.

Penganjuran Perintis adalah julung kali diadakan dengan menyasarkan lebih penyertaan kepada Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTs).

Sebanyak 97 kumpulan pencipta menyertai pertandingan tersebut termasuk 43 penyertaan dari IUKL, sembilan dari IPTs, 20 dari Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), empat dari politeknik dan 21 penyertaan dari sekolah menengah.

Pertandingan itu dianjurkan secara usaha sama antara IUKL, MOSTI dan juga Kementerian Pendidikan.

